



KENYATAAN AKHBAR

**YANG BERHORMAT TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

**CUTI KHAS PERISTIWA SEMPENA KEJAYAAN PASUKAN JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT) MENJUARAI
PIALA FA MALAYSIA 2022**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dengan ini Kerajaan Negeri Johor memutuskan untuk mengisytiharkan hari **Ahad, 11 September 2022**, sebagai **hari Cuti Khas Peristiwa** bagi seluruh rakyat Negeri Johor sempena kejayaan pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjuarai Piala FA Malaysia 2022.

Pemberian Cuti Khas Peristiwa ini dibuat sebagai tanda meraikan dan memberikan penghargaan kepada semua penyokong pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) yang telah memberikan sepenuh komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pasukan JDT dalam mengharumkan nama Negeri Johor Darul Ta'zim.

Keputusan pengisytiharan Cuti Khas Peristiwa ini adalah selaras dengan peruntukan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 9(1) Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369].

TAN SRI DATO' DR. HAJI AZMI BIN ROHANI

Setiausaha Kerajaan
Johor

10hb September 2022